

MEI 2021



# CASSIA

KERJASAMA

HORMAT

INTEGRITI

DINAMISME

SEMANGAT

## SUDAHKAH ANDA MENDAFTAR?

[vaksincovid.gov.my](https://vaksincovid.gov.my)



LINDUNG DIRI,  
LINDUNG SEMUA.

# Perutusan Pengerusi Syawal 1442H



Warga FGV sekalian,

Alhamdulillahi rabbil a'lamin, umat Islam bakal menyambut detik kemenangan Hari Raya Aidilfitri 1442H setelah sebulan menjalani ibadah berpuasa. Kita berjihad dalam mengekang hawa nafsu di samping mengumpul pahala dengan meningkatkan amal ibadah yang dituntut dalam bulan Ramadan.

Ini kedua kali kita menyambut Syawal di dalam suasana norma baharu di dalam Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengekang penularan COVID-19. Walaupun ramai di antara kita yang bersedih kerana tidak dapat pulang ke kampung halaman untuk berhari raya bersama ibu bapa dan sanak saudara, bersyukurlah dengan rahmat dan kurnia yang dinikmati.

Saya berharap kita sentiasa waspada untuk terus mengamalkan SOP COVID-19. Amalkan amalan penjarakan fizikal, sering membasuh tangan, memakai pelitup muka di tempat awam dan segera berjumpa doktor sekiranya bergejala. Sambutlah perayaan pada tahun ini dengan kita bermuhasabah diri dan bersederhana. InsyaAllah, kita akan kembali bekerja dengan semangat baharu dan keyakinan untuk terus berjaya.

Terima kasih kepada para petugas yang bekerja di Hari Raya ini bagi memastikan operasi syarikat tidak terjejas dan berjalan seperti biasa. Sebagai sebuah syarikat perlادangan tentulah kita bertugas tidak mengenal masa dan hari. Sama-sama lah kita semua menjaga nama baik syarikat

serta memastikan perniagaan syarikat dapat diteruskan dan juga aset-aset syarikat dijaga dengan baik di musim perayaan ini.

Saya amat gembira kerana inilah kali pertama saya menyambut Aidilfitri bersama-sama warga FGV. Saya sekeluarga menyusun sepuluh jari memohon ampun serta kemaafan atas sebarang kekhilafan, zahir maupun batin kepada semua. Semoga kita terus dirahmati Allah SWT.

Selamat Hari Raya Aidilfitri.

Terima kasih.

Dato' Dzulkifli Abd Wahab  
Pengerusi  
FGV Holdings Berhad

## **Pelantikan Azman Ahmad Sebagai Pegawai Bertanggungjawab (*Officer-In-Charge*) Menjalankan Tugas Dan Tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV**

Lembaga Pengarah FGV Holdings Berhad mengumumkan pelantikan Azman Ahmad sebagai Pegawai Bertanggungjawab (*Officer-In-Charge*) untuk menjalankan tugas dan tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan (GCEO), berkuatkuasa pada 16 Mei 2021 sehingga GCEO baru dilantik, atau sehingga masa yang ditentukan oleh Lembaga Pengarah.

Azman akan meneruskan peranan sebagai Pengarah Bahagian Sektor Logistik & Perniagaan Sokongan (LSB) Kumpulan yang dipegang sejak 1 Januari 2017. Sebagai Pengarah Bahagian Kumpulan LSB, beliau bertanggungjawab terhadap keseluruhan prestasi dan pertumbuhan Logistik & Perniagaan Sokongan selaras dengan objektif perniagaan FGV dan keperluan pihak berkepentingan.

Beliau memulakan kerjaya di Johor Bulkers Sdn Bhd pada tahun 1986

sebagai Eksekutif Operasi dan meneruskan kerjayanya menjadi CEO Felda Johore Bulkers Sdn Bhd pada tahun 2007 hingga 2013. Pada tahun 2014, beliau dilantik sebagai Naib Presiden Kanan Perdagangan, Pemasaran, Logistik dan Lain-lain Perniagaan dan pada tahun 2016, sebagai Naib Presiden Eksekutif yang mengetuai Kelompok Penghiliran Sawit.

Beliau memiliki Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) dalam Pengajian Maritim (Teknologi Maritim), Institut Sains dan Teknologi Universiti Wales, Wales, U.K. pada tahun 1984 dan Diploma Pengurusan dari Institut Pengurusan Malaysia pada tahun 1988. Beliau juga telah berjaya menamatkan Program Pengurusan Sekolah Perniagaan Harvard.


Lembaga Pengarah juga ingin memaklumkan bahawa proses untuk mengenalpasti calon yang sesuai untuk jawatan GCEO telah dimulakan.

Kami berharap seluruh warga FGV akan memberikan sokongan penuh dan kerjasama kepada beliau, bagi memastikan pengurusan dan operasi syarikat berjalan dengan lancar.

Pengumuman selanjutnya akan dibuat sekiranya terdapat perkembangan wajar mengenai perkara ini.

Terima kasih.

Lembaga Pengarah  
FGV  
Holdings Berhad



*Azman Ahmad  
Pegawai Bertanggungjawab  
(OIC), FGV*



## RINGKASAN BERITA FGV



### RM2.3 Juta Diperuntukkan untuk Enam Klinik Perladangan

RM2.3 juta telah diperuntukkan untuk menaik taraf tiga klinik dan membina tiga klinik baharu di ladang FGV demi memenuhi komitmen berterusan syarikat terhadap hak asasi manusia, khususnya hak untuk kesihatan bagi semua pekerja. Ia merangkumi perbelanjaan untuk kos pembinaan bangunan, pembelian peralatan perubatan, ubat-ubatan, kemudahan komunikasi, ambulans dan keperluan lain. Sehingga kini, FGV mempunyai 12 klinik di seluruh negara yang menawarkan perkhidmatan rawatan pesakit luar kepada pekerja ladang tempatan dan migran, termasuk lima di Sabah, empat di Semenanjung Malaysia dan tiga di Sarawak. FGV berusaha untuk memastikan bahawa semua pekerja ladang FGV memiliki akses kepada perkhidmatan dan fasiliti kesihatan. Dengan klinik-klinik baharu ini yang berada di bawah bimbingan Kementerian Kesihatan Malaysia, pekerja akan mendapat akses yang lebih baik dan lebih mudah untuk mendapatkan rawatan perubatan.



### FGV Merekodkan Keuntungan Operasi Lebih Tinggi Sebanyak RM186 juta pada Suku Pertama Yang Berakhir pada 31 Mac 2021

FGV merekodkan keuntungan operasi lebih tinggi sebanyak RM186 juta pada suku pertama yang berakhir pada 31 Mac 2021 dengan penambahbaikan ketara berbanding kerugian operasi sebanyak RM56 juta pada suku tahun sama sebelumnya. Keadaan ini disumbangkan oleh margin lebih tinggi produk sawit di samping prestasi perniagaan gula yang memberangsangkan. Bagi suku tahun dikaji, harga purata minyak sawit mentah (MSM) ialah RM3,172 setiap tan metrik (MT) iaitu 19 peratus lebih tinggi berbanding harga purata MSM yang direalisasikan pada Suku Pertama Tahun Kewangan 2020 (S1 TK2020) sebanyak RM2,669 MT. Pendapatan Kumpulan melonjak kepada RM3.39 bilion dari RM2.78 bilion pada tahun sebelumnya iaitu lonjakan sebanyak 22 peratus tahun-ke-tahun disokong oleh harga purata MSM yang lebih tinggi, volum kukuh serta harga yang lebih bagi produk pengguna dan baja.



### Pelajar Pusat Pembelajaran Komuniti FGV Jalani Ujian Sekolah Secara Dalam Talian

Sebagai langkah proaktif untuk memastikan hak kepada pendidikan dalam kalangan anak-anak pekerja ladang migrannya tidak terkesan dengan situasi pandemik COVID-19, FGV telah melaksanakan ujian sekolah secara dalam talian untuk para pelajar Pusat Pembelajaran Komuniti (CLC) FGV di wilayah Sahabat (CLC FGV Sahabat), Sabah baru-baru ini. Kaedah ujian secara dalam talian merupakan langkah positif dalam memastikan pelajar CLC lebih selamat daripada jangkitan, dan tidak tercincir dalam pembelajaran. Ujian berlangsung selama lima hari dari 26 hingga 30 April 2021, dan dijalankan serentak di sembilan perkampungan di wilayah Sahabat, iaitu Kampung Baiduri Ayu, Kampung Cenderawasih, Kampung Embara Budi, Kampung Fajar Harapan, Kampung Gemalapura, Kampung Hamparan Badai, Kampung Jeragan Bistari, Kampung Kembara Sakti, dan Kampung Mercu Puspita.

## ■ WIRA FGV

# 'Sang Pendebunga' FGV Komited Demi Hasilkan Buah Sawit Bermutu Tinggi



Berperwatakan ceria dan mudah untuk didekati antara sifat yang dimiliki oleh personaliti pilihan 'Wira FGV' kali ini.

Mohd Nizam Che Ibrahim, petugas FGV Agri Services Sdn Bhd (FGVAS) di Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak (PPPTR) Jerantut, Pahang merupakan seorang yang mahir mengendalikan aspek pendebungaan pokok kelapa sawit di FGV.

Berkhidmat hampir 15 tahun di FGVAS, kerjaya beliau sebagai juru polinasi atau pendebungaan bagi pokok-pokok sawit memerlukan beliau untuk berada di ladang seawal jam lapan pagi setiap hari, bagi membolehkan tugas-tugas pemeriksaan pokok sawit dijalankan dengan sebaiknya.

"Setiap hari saya dan rakan-rakan lain akan memeriksa antara 20 hingga 23 pokok sawit, bergantung kepada keadaan cuaca. Sebelum melakukan proses pendebungaan ini, biasanya kami perlu memanjat pokok berkenaan terlebih dahulu bagi meninjau sama ada pokok sawit tersebut telah pun mengeluarkan bunga bagi tujuan pendebungaan," jelas Nizam.

Menurut beliau, terdapat pelbagai jenis agen pendebungaan termasuk agen pendebungaan semulajadi yang dilakukan oleh angin, air dan serangga (kumbang). Namun, berbanding agen semulajadi, kaedah polinasi yang menggunakan bantuan manusia didapati lebih berkesan kerana ukuran dan jumlah buah sawit yang dihasilkan dapat dioptimakan.

"Melalui pendebungaan terkawal, kita dapat memastikan hasil yang baik dan melakukan pembetulan sekiranya terdapat masalah. Setiap tugas yang dilakukan juga diselia oleh unit kawalan kualiti pendebungaan," kata beliau.

"Proses pendebungaan ini mencabar kerana harus berhadapan dengan risiko kemalangan seperti terjatuh. Ada kalanya pokok-pokok yang perlu dipolinasi ini agak tinggi khususnya pokok-pokok sawit tua yang boleh mencapai sehingga 50 kaki. Selain itu, ada juga berdepan dengan kejadian mengejut seperti terserempak dengan binatang berbisa seperti ular yang berada di atas pokok, namun semua itu tidak mematahkan semangat kami untuk menjalankan tugas dengan sebaik mungkin," tambah beliau.

Meskipun tugas-tugas pendebungaan ini berisiko, namun aspek keselamatan sentiasa dititikberatkan agar kejadian kemalangan di tempat kerja dapat dikurangkan. "Sebagai juru pendebungaan, kami perlu sentiasa berhati-hati ketika melakukan tugas. Langkah-langkah keselamatan ketika berada di atas pokok sentiasa diperhatikan kerana sebarang kesilapan bukan sahaja mengundang padah, malah mungkin boleh mengundang maut."

Selain tugas di ladang, Mohd Nizam turut membantu petugas-petugas lain di makmal pada sebelah petangnya. Beliau berasa gembira kerana dapat membantu petugas lain kerana baginya, sikap saling membantu boleh

mengeratkan lagi hubungan sesama rakan sekerja.

Menyentuh pengalaman manis sepanjang kerjaya ini, beliau berkata, "Sepanjang saya berkhidmat di FGV ini, saat paling seronok bagi saya adalah apabila saya diminta untuk melakukan demonstrasi pendebungaan di hadapan bekas Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FGV iaitu Dato' Haris Fadzilah Hassan, dan juga beberapa orang pengurusan kanan Kumpulan. Itulah kali pertama saya berpeluang mendekati dan berbual secara langsung dengan 'orang nombor satu' di FGV dan beliau seorang yang mudah didekati," mengimbau kembali kenangan beliau pada tahun 2020.

Sebagai petugas Kumpulan FGV dan seorang yang 'membesar' dengan hasil ladang, beliau ingin melihat Kumpulan FGV terus berdaya maju seiring dengan syarikat perladangan yang lain.

"Memandangkan zaman sekarang merupakan zaman maklumat di hujung jari, saya berharap agar FGV mengambil peluang ledakan teknologi maklumat terutamanya aplikasi atas talian untuk memperkenalkan produk-produk Kumpulan FGV seperti produk keluaran FGVAS kepada orang ramai. Ini kerana ramai dalam kalangan rakan-rakan dan orang kampung yang berminat untuk mendapatkan produk-produk, tetapi terhad dari segi maklumat yang diperolehi," jelas Nizam yang juga anak jati kelahiran FELDA Sungai Tekam Utara, Jerantut, Pahang ini.

## PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN

SASARAN TERIMA SUNTIKAN VAKSIN

80% populasi = 25.6 juta orang

### PEMBERIAN VAKSIN DALAM 3 FASA



Petugas di barisan hadapan seperti kakitangan kesihatan dan bukan kesihatan seperti PDRM, RELA, Bomba dan Penyelamat, ATM.

Sasaran 500,000 orang  
Pemberian vaksin tamat April 2021

#### FASA 1



Kumpulan berisiko tinggi iaitu:  
 - Warga emas berumur 60 tahun ke atas.  
 - Golongan rentan yang mengalami penyakit kronik seperti penyakit jantung, obesiti, diabetes dan tekanan darah tinggi.  
 - OKU.

Sasaran 9.4 juta orang  
Bermula April - Ogos 2021

#### FASA 2



Golongan dewasa berumur 18 tahun ke atas.  
Fasa paling penting untuk membentuk *herd immunity* (imuniti kelompok).

Bermula Mei 2021 - Februari 2022

#### FASA 3

### APAKAH MAKSUMD 90% KEBERKESANAN VAKSIN?



Penerima vaksin



Vaksin berupaya mengelakkan jangkitan dalam kalangan 90% penerima vaksin



Tidak menerima vaksin



Semua berisiko mendapat jangkitan COVID-19

Keberkesaan vaksin bermaksud peratus (%) jangkitan baharu yang dapat dielakkan dalam kalangan kumpulan penerima vaksin.

## PERSIAPAN SEBELUM PERGI KE PUSAT PEMBERIAN VAKSIN COVID-19

1

Anda telah muat turun, mengaktifkan dan mengemas kini maklumat peribadi anda di dalam aplikasi MySejahtera.

2


Anda telah menjawab semua soalan penilaian kesihatan di dalam MySejahtera.

3

Baca dan fahami Borang Persetujuan Suntikan Vaksin COVID-19 di MySejahtera. Anda perlu menandatangani borang tersebut di hadapan petugas kesihatan.

4

Datang ke lokasi pusat pemberian vaksin pada tarikh dan masa yang ditetapkan.



5

Bawa bersama-sama kad pengenalan dan telefon bimbit yang mengandungi aplikasi MySejahtera yang telah diaktifkan.

6

Pakai pakaian yang sesuai untuk mendapatkan suntikan di bahagian atas lengan seperti:  
 a) Baju berlengan pendek.  
 b) Baju berlengan panjang yang longgar dan boleh dilipatkan ke pangkal lengan.

7

Bagi warga emas dan orang kurang upaya digalakkan datang bersama pengiring.

## PROSES VAKSINASI MELALUI APLIKASI MYSEJAHTERA & LAMAN SESAWANG KHAS

### DOS 1

- Aplikasi MySejahtera
- Laman Sesawang Khas

Terima tarikh temujanji



Hadir ke PPV yang ditentukan



Saring suhu & gejala



Konsultasi & borang kebenaran



Daftar kod QR & semak identiti



Suntikan & sahkan penerimaan vaksin



### DOS 2

- Terima kad vaksin
- Pemerhatian 30 minit

Terima kad vaksin



Hadir ke PPV yang ditentukan



Saring suhu & gejala



Konsultasi & borang kebenaran



Daftar kod QR & semak identiti



Suntikan & sahkan penerimaan vaksin



### DOS 1

- Menerima Sijil Imunisasi Vaksin COVID-19 Digital

Menerima Sijil Imunisasi Vaksin COVID-19 Digital



Suntikan & sahkan penerimaan vaksin



### DOS 2

- Perhati kesihatan diri untuk sebarang kesan sampingan / AEFI

Perhati kesihatan diri untuk sebarang kesan sampingan / AEFI



Suntikan & sahkan penerimaan vaksin



### DOS 2

- Tertakluk kepada jenis vaksin satu dos, proses vaksinasi tamat di langkah 9

Tertakluk kepada jenis vaksin satu dos, proses vaksinasi tamat di langkah 9



Suntikan & sahkan penerimaan vaksin



### DOS 2

- Kesan sampingan / AEFI boleh dilaporkan oleh individu melalui 3 cara:

Kesan sampingan / AEFI boleh dilaporkan oleh individu melalui 3 cara:

1. Maklumat kepada fasiliti kesihatan berdekatan

2. Melalui aplikasi MySejahtera

3. Layar Portal Iaporan ConSERF NPRA www.npra.gov.my

# JENIS BUAH KELAPA SAWIT

		
DURA	PISIFERA	TENERA
Thick shell Tempurung tebal	No shell Tiada tempurung	Thin shell Tempurung nipis
No/thin mesocarp Tiada/nipis sabut	Consists of mesocarp and some kernel Terdiri daripada sabut dan sedikit kernel	Black fiber ring Jaluran fiber hitam  30% more oil 30% lebih minyak
	Abortive/sterile Buah gugur/tiada buah	

Sumber: Dr. Mohd Azinuddin, Seminar Sawit Online 2020.

Pokok kelapa sawit Tenera menghasilkan jumlah minyak yang lebih banyak (minyak diekstrak daripada mesocarp, iaitu bahagian kuning buah). Selain itu, pokok kelapa sawit Tenera juga menghasilkan jumlah tandan yang lebih banyak. Untuk menghasilkan benih pokok Tenera, pokok Dura mesti dikacukkan dengan pokok Pisifera. Kemudian keturunan (progeni) yang dihasilkan akan dipanggil sebagai DxP yang merupakan pokok Tenera.

## SINDROM PENGLIHATAN KOMPUTER

Sindrom Penglihatan Komputer berlaku disebabkan pergerakan mata yang berulang-ulang. Semakin lama kita menggunakan komputer, pergerakan otot mata yang berulang kali ini boleh menyebabkan otot mata semakin tegang dan sakit sehingga boleh mengakibatkan sakit kepala.

### AMALKAN PERATURAN 20-20-20



- 1 Kabur penglihatan.
- 2 Mata merah dan kering.
- 3 Sakit kepala.
- 4 Sakit di bahagian tenguk dan belakang badan.



Berehat  
20 saat

Setiap  
20 minit

Lihat sejauh  
20 kaki

## ■ #PPPTRPrihatin – Raih Ganjaran di Bulan Barakah



Pihak pengurusan FGV Agri Services Sdn. Bhd. di Pusat Penyelidikan Pertanian Tun Razak (PPPTR) telah menyertai program Sumbangan PPPTR Prihatin pada 6 Mei yang lalu.

Program ini khas untuk penduduk yang menetap di dalam kompleks PPPTR dan bertujuan untuk membantu petugas-petugas yang kurang berasib baik seperti mempunyai ahli keluarga yang berkelainan upaya

(OKU), sakit kritis, kurang berkemampuan dan warga tua.

Sebanyak 19 buah keluarga telah dipilih Penghulu Desa untuk menerima sumbangan yang dananya dari pelbagai sumber seperti Masjid PPPTR, pihak Pengurusan dan individu.

Pada hari yang sama, program ini dilanjutkan kepada lima buah keluarga asnaf di Kampung Sg Siam (Simpang

PPPTR). Melihat kehidupan mereka, terbitnya rasa insaf, syukur dan muhasabah diri.

PPPTR komited untuk menjalankan program seumpama ini secara berkala bagi meringankan beban dan memberi semangat motivasi kepada petugas yang kurang berasib baik. Kebajikan petugas-petugas ini adalah tanggungjawab kita bersama.

## ■ FGV Prodata Lancarkan Tabung Bantuan Khas Aidilfitri Kepada Rakan Sekerja Yang Ditimpa Musibah

Sempena bulan Ramadan tahun ini, petugas-petugas FGV Prodata diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ali Mustafa telah melancarkan Tabung Bantuan Khas Aidilfitri bagi membantu keluarga rakan-rakan setugas yang ditimpa musibah pada tahun lepas. Tahun 2020 bukan sahaja merupakan tahun yang mencabar akibat pandemik COVID-19, malah turut menyaksikan FGV Prodata kehilangan beberapa petugas senior selain diuji dengan pelbagai musibah.

Di antara penerima sumbangan ialah keluarga salah seorang ketua di Bahagian Teknikal, Kamarudin Mohd Nawawi yang terlibat dalam kemalangan jalan raya pada 24 Jun tahun lalu, yang telah mengakibatkan kecederaan serius dan kehilangan upaya untuk bekerja. Selain itu, keluarga kepada petugas-petugas FGV Prodata yang telah kembali ke rahmatullah iaitu Allahyarham Saidi

Che Hassan, Allahyarhamah Ismailiza Ibrahim, Allahyarham Mohd Hisham dan Allahyarham Mohayuddin Mohamed turut diberikan sumbangan.

Sumbangan turut diberikan kepada petugas-petugas yang terlibat dengan banjir besar pada bulan November yang lepas, diuji dengan penyakit kanser dan ada yang kematian anak yang baru lahir. Semua sumbangan berupa pek barang SAJI dan wang tunai ini telah disampaikan sendiri oleh Ketua Pegawai Eksekutif FGV Prodata dengan mengunjungi rumah ahli keluarga terbabit.

Semoga dengan sumbangan ini, ia dapat meringankan beban perbelanjaan keluarga serta mampu menceriakan anak-anak keluarga FGV Prodata untuk menyambut Aidilfitri pada tahun ini.



## ■ RESIPI PILIHAN

### Nasi Tomato Bersama Ayam Masak Merah

Kali ini kami tampilkan resipi Nasi Tomato Bersama Ayam Masak Merah yang menjadi salah satu juadah kegemaran semasa Hari Raya. Jom kita cuba!



#### BAHAN-BAHAN

3 cawan beras Basmathi  
Secubit Garam Gunung SAJI  
1 SB Marjerin ADELA  
3 SB puri tomato  
1 cawan Krimer Sejat Cair SAJI  
Bawang merah (dikisar)  
Bawang putih (dikisar)  
Kayu manis, bunga lawang, bunga cengklik  
Ayam yang telah dilumur dengan garam dan kunyit  
Minyak Masak SAJI  
1 SB Gula Kasar PRAI

Kacang peas  
Sos cili  
Serai  
3 SB cili boh

#### CARA-CARA

##### Nasi Minyak

- Masukkan Marjerin Adela dan tumiskan bahan-bahan yang dikisar bersama kayu manis, bunga lawang dan bunga cengklik.
- Masukkan garam dan beras yang telah dibasuh dan ditoskan.
- Masukkan Krimer Sejat Cair SAJI dan biarkan sehingga nasi masak.

##### Ayam Masak Merah

- Goreng ayam dan toskan.
- Tumiskan bahan kisar dan serai.
- Masukkan cili boh, puri tomato dan sos. Masak sehingga pecah minyak.
- Masukkan garam, gula, ayam yang digoreng, tomato dan kacang peas. Gaulkan sehingga sebati.

Siap untuk dihidangkan!

Resipi oleh:

Hazizan Mohamed  
FGVPM-JTK

Hantarkan video nyanyian anda berdurasi 1 minit melalui *WhatsApp* di 019-2004600 sebelum 5 Julai 2021.

#### SYARAT- SYARAT PENYERTAAN

Terbuka kepada semua petugas Kumpulan FGV di seluruh Malaysia

Nyatakan nama penuh dan syarikat/bahagian anda

Penyertaan hanya untuk INDIVIDU sahaja

Lagu pilihan adalah bebas

Boleh menggunakan *minus one* untuk membuat rakaman tetapi TIDAK BOLEH menggunakan aplikasi *SMULE*, *TIKTOK* dan seumpamanya

Saiz video tidak melebihi 16MB

Video haruslah dalam bentuk *landscape* (melintang) dan bukan *portrait* (menegak)

**FGV  
GOLDEN  
VOICE  
2021**



**PKP LAGI?  
BOSAN DI RUMAH?  
APA LAGI,  
JOM LAH MENYANYI!**

SAGUHATI UNTUK  
**VIDEO PALING KREATIF!**  
(IKUT SOP YA!)

**17 HADIAH SAGUHATI  
UNTUK DIMENANGI!**

**HADIAH UTAMA  
RM1,000**

**TEMPAT KEDUA  
RM800**

**TEMPAT KETIGA  
RM500**

# TANYA DOKTOR POKOK



**S: Apakah panduan untuk mengirim pokok tanaman menggunakan khidmat kurier penghantaran? (1-3 hari penghantaran)**

- Ku Zalipah Abdul Kadir, FGVH

J: Siram secukupnya 1-2 hari sebelum penghantaran dan setiap pokok dibungkus dengan plastik beg tertutup untuk mengekalkan kelembapan dan melindungi pokok. Pokok dalam plastik beg tersebut boleh disusun secara baring dan bertindih di antara satu sama lain secara selang-seli dalam kotak penghantaran. Pokok perlu disusun dengan rapat dan ruang kosong dalam kotak perlu disumbat dengan surat khabar atau span sehingga pokok

dalam keadaan stabil dan tidak bergerak untuk mengelakkan perlenggaran dan kerosakan di antara satu sama lain semasa penghantaran melalui kurier.

**S: Mengapakah pokok bunga yang saya tanam hanya mengeluarkan bunga tapi bukan daun?**

- Muhammad Yatim Mohd Noor, FSSSB

J: Pokok bunga akan mengeluarkan banyak bunga dalam keadaan 'stress' seperti kekurangan air. Sebagai contoh, pada pokok bunga kertas dan lain-lain. Untuk menggalakkan pengeluaran daun yang banyak, pastikan siraman air yang mencukupi dan ditabur dengan baja butir atau semburan baja cecair yang mengandungi nitrogen yang tinggi, dan selalunya ia disebut sebagai 'baja daun'.

**S: Saya ingin menanam rumput karpet di halaman rumah saya. Apakah tips penjagaan yang disarankan?**

- Solhaah Yahaya, FGVH

J: Pastikan tanah diratakan dan mempunyai saliran yang banyak tanpa air bertakung selepas siraman atau hujan. Penaburan 1 lapisan pasir halus dengan ketebalan kira-kira 1 inci dapat memperbaiki saliran tanah.

Pertumbuhan rumput karpet mudah terbantut atau mati jika akar terendam terlalu lama dengan air. Semburan baja cecair yang mengandungi nitrogen yang tinggi dapat meningkatkan kesuburan dan kehijauan rumput karpet.



*Anda boleh hantarkan soalan-soalan berkaitan tanaman anda kepada Doktor Pokok ke groupstrategiccomms@fgvholdings.com atau WhatsApp ke 019-2004600. Soalan anda akan dijawab dalam Cassia edisi hadapan.*

## ■ APA KATA MEREKA?

### Pendapat Mengenai Vaksinasi



Program vaksinasi adalah keutamaan negara. Kita mesti bekerjasama dan membantu kerajaan dengan memainkan peranan kita untuk memberi kesedaran dan mendidik keluarga serta rakan. Semoga usaha ini dapat kembalikan kehidupan normal bermasyarakat serta memulihkan ekonomi negara dan rakyat khususnya.

- Adi Azam Abdul Wahab,  
Pengurus Kanan Bahagian Sumber Manusia,  
FGV Holdings



Kita bersama-sama bertanggungjawab menjaga diri kita dan keluarga. Kita harus sedar bahawa vaksinasi merupakan jalan keluar bagi menghentikan penularan COVID-19 ini. Kita harus berusaha dan berikhtiar bersama untuk kembali menjalani kehidupan seperti sebelum ini. Kepada yang belum berdaftar untuk vaksinasi, segeralah mendaftar demi keselamatan kita bersama. Marilah kita bersama-sama mengambil vaksin dan membantu negara kita untuk mencapai 'herd immunity'.

- Nurul Asyikin Nasrudin,  
Pengurus Kanan Bahagian Sumber Manusia,  
FGV Holdings



Penggunaan vaksin dalam memerangi COVID-19 merupakan kaedah yang terbaik kita ada ketika ini. Keberkesanan vaksin tidak diragui dalam menangani virus dan bakteria untuk penyakit berjangkit yang lain. Adalah menjadi tanggungjawab kita semua untuk menerima vaksin dan membentuk komuniti dengan imuniti kelompok yang berdaya tahan kepada virus ini.

- Khaireeman Shah Aman Shah,  
Ketua HRBP, FGVPM



Saya mengambil vaksin kerana menyokong 'herd immunity' bukan sahaja untuk melindungi diri sendiri dan keluarga, tapi masyarakat kita keseluruhannya. Moga usaha kecil yang sedikit ini dapat menyumbang kepada kesejahteraan negara untuk keluar dari belenggu wabak COVID-19.

- Mohd Azam Si Rajab,  
Pengurus Besar Kanan, FGV Tradings



Petugas kilang juga merupakan petugas barisan hadapan bagi syarikat FGV. Kami seharusnya menerima suntikan vaksin COVID-19 bagi mengurangkan risiko menjadikan lebih teruk apabila dijangkiti. Bersama-sama kita mengekang penularan COVID-19 dengan menyokong program imunisasi kerajaan ini.

- Abdul Rauf Salleh  
Pengurus Kanan, Kilang Sawit Maokil



Keluarga dan rakan anda wajar dilindungi, dapatkan vaksin untuk diri sendiri. Ini dapat mengurangkan risiko dan jangkitan COVID-19 yang teruk. Saya sudah divaksin, anda bila lagi?

- Mohd Shahrizal Mohd Salleh  
Ketua Bahagian Sumber Manusia,  
FGV Kernel Products



**AQIQAH**  
IKHLAS

10

# PROMOSI QURBAN

Pelaksanaan di Kota Suci  
Mekah Al Mukarramah

**RM490**

1 EKOR



Pelaksanaan di Ladang  
Bangi Selangor

**RM750**

1 BAHAGIAN

untuk daftar, klik

<https://aqiqahikhlas.com>

\* Promosi sah sehingga 26 Jun 2021

Pembayaran atas talian melalui :



03 27891133



019 2637028



aqiqahikhlas

## TAHNIAH!

Iklan Raya SAJI Mangkuk Tingkat Mak Teh  
Antara 3 Iklan Raya Terbaik oleh Star  
Media Group yang menambat hati penonton  
di Malaysia, Indonesia dan Amerika!

**2.5 JUTA**  
tontonan

Terima kasih warga FGV kerana mengundi  
**'Mangkuk Tingkat Mak Teh'**

@SAJI Malaysia





Roslina Said  
FGVAS PPTR



Nor Shima Mat Hashim  
FGVPM Wilayah Trolak

## Tahniah Pemenang **SELFIERAYA** #kitakitaaje



Petugas FGVP  
FGVPM Mengkarak 01




Nur 'Izzah Ujang  
COE, HR Plantation Sector

Para pemenang akan dihubungi oleh Bahagian Komunikasi Strategik Kumpulan



## CABARAN LANGKAH 10 KM LARIAN VIRTUAL FGV 2021




Penyertaan Terbanyak  
dari Zon Kuala Lumpur

**48.1%**

Peserta yang sudah berdaftar boleh mula menghantar bukti perjalanan 10km anda melalui Google form  
<https://forms.gle/CPTezyK79yk9DwZ36>

Tarikh akhir penghantaran: 30 Jun 2021

# Teka Silang Kata COVID-Iq



Peserta yang menjawab dengan betul dan pantas akan memenangi hadiah menarik!

Hantarkan jawapan anda ke  
**groupstrategiccomms@fgvholdings.com**

**Tarikh tutup: 30 Jun 2021**

## MENEGAK

1. COVID-19 dikenalpasti memasuki ke dalam tubuh manusia melalui saluran...
5. Mesin bantuan pernafasan diperlukan oleh pesakit COVID-19 apabila tubuh kekurangan gas...
7. Tempahan vaksin sukarela ini ditutup selepas satu jam dibuka.
8. Komponen cecair pembasmi kuman yang utama.
9. Pengambilan vaksin oleh seluruh komuniti bertujuan untuk menghasilkan... (dua perkataan)

## MELINTANG

2. Terma untuk kawasan merah yang mempunyai lebih daripada 40 kes positif.
3. Sentiasa pakai pelitup muka di pejabat terutamanya di tempat am seperti di sini.
4. Varian COVID-19 yang agak agresif dikesan di Malaysia. (dua perkataan)
6. Kaedah mengasingkan diri bagi memastikan seseorang itu tidak menjangkiti orang lain.
10. Jenis kontak untuk individu yang berada dekat dan berkemungkinan terdedah kepada kes positif COVID -19 tanpa diketahui.
11. Aplikasi yang diimbas sebelum memasuki premis pejabat.
12. Kaedah mengelakkan jangkitan COVID-19 dengan mematuhi semua prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan, sentiasa menjaga kebersihan diri dan persekitaran serta memantau kesihatan (dua perkataan)

## TERBITAN

Komunikasi Strategik Kumpulan

FGV Holdings Berhad NO 200701042133 (800165-P)  
 Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut  
 50350 Kuala Lumpur, Malaysia

Petugas Kumpulan FGV dialu-alukan untuk menyumbang artikel kepada CASSIA melalui **groupstrategiccomms@fgvholdings.com**

